



Siaran Media

IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN KUALA LUMPUR

Tel : 03-21460522 Ext: 586/587 / Faks : 03-21460589

Hotline : 03-21159999 / SMS POLIS KL : 32728

Facebook : [Facebook.com/poliskl](https://www.facebook.com/poliskl)

Emel : poliskl@rmp.gov.my

KENYATAAN MEDIA KETUA POLIS KUALA LUMPUR

KAWALAN KESELAMATAN DAN PENUTUPAN JALAN SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN


Sambutan Hari Kebangsaan Ke-68 akan diadakan pada 31 Ogos 2025 di Dataran Putrajaya dengan tema “Malaysia Madani – Rakyat Disantuni”. Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah membuat persiapan rapi bagi memastikan keselamatan awam terjamin dan mengurangkan kesesakan lalu lintas sepanjang sambutan berlangsung.

PDRM turut melaksanakan Op Pencegahan Jenayah bersempena Sambutan Ambang Merdeka 2025 dengan memberi tumpuan kepada pemantauan kawasan hotspot, lokasi tumpuan orang ramai serta usaha mencegah dan membanteras jenayah di sekitar ibu kota. Selain itu, Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Kuala Lumpur (JSPT KL) akan menguruskan kawalan lalu lintas di beberapa lokasi tumpuan utama seperti Dataran Merdeka, KLCC, Bukit Bintang dan TRX yang akan menjadi tumpuan orang ramai pada malam tersebut.

Kawalan keselamatan dan kawalan trafik akan melibatkan seramai **2,708 orang** pegawai dan anggota PDRM yang akan bertugas bagi Sambutan Hari

Kebangsaan yang akan diadakan di Putrajaya dengan jangkauan kehadiran orang ramai dijangka mencecah 100,000 orang pengunjung. Penutupan jalan semasa **raptai (26, 27, 28 dan 29 Ogos 2025)** akan bermula jam **6.00 pagi hingga 12.00 tengah hari** melibatkan **(14) jalan** seperti berikut:


1. Lebuhraya Wawasan/ Persiaran Perdana;
2. Jalan Tun Razak/ Lebuhraya Bestari;
3. Jalan Tun Razak/ Jalan P2K;
4. Jalan Tun Razak/ Jalan Pembangunan;
5. Jalan Tun Razak/ Jalan P3C;
6. Jalan Tun Razak/ Jalan P3F;
7. Jalan Tun Razak/ Jalan Kemerdekaan;
8. Lebuhraya Setia/ Jalan Perpaduan;
9. Lebuhraya Saujana/ Persiaran Perdana;
10. Lebuhraya Setia/ Jalan Tun Hussien;
11. Jalan Kemerdekaan/ Jalan Tun Hussien;
12. Jalan Pembangunan/ Jalan Tun Hussien;
13. Lebuhraya Bestari/ Jalan Tun Hussien; dan
14. Dataran Putra/ Persiaran Perdana.



Laluan penutupan jalan (Raptai)

Manakala pada **29 Ogos 2025** penutupan jalan bermula jam **10.00 malam** melibatkan laluan-laluan ke Core Island. Sebanyak **(14) jalan utama** akan **ditutup** sepenuhnya sehingga **31 Ogos 2024**. Jalan terlibat adalah :-

1. Lingkaran Putrajaya/ Jambatan Saujana;
2. Lebuh Sentosa/ Lebuh Wawasan;
3. Trafik Light Lebuh Wawasan/ Jambatan Wawasan (Dari Arah P9);
4. Susur Lebuh Sentosa/ Lebuh Wawasan (Dari Arah P. Utara);
5. Trafik Light Lebuh Wawasan/ Jalan P8H;
6. Bulatan Salahuddin/ Dataran Perdana;
7. Trafik Light Lebuh Bestari/ Jalan Tun Hussien;
8. Trafik Light Jalan Pembangunan/ Jalan Tun Hussien;
9. Trafik Light Jalan Kemerdekaan- P18/ Jalan Tun Hussien;
10. Trafik Light Lebuh Setia/ Jalan Tun Hussien;
11. Trafik Light Lebuh Saujana/ Jalan Tun Hussien;
12. Trafik Light Lingkaran Gemilang Satu/ Persiaran Perdana;
13. Trafik Light Lebuh Gemilang/ Persiaran Perdana-Jambatan Gemilang; dan
14. Lebuh Sentosa/ Jambatan Saujana.



Laluan penutupan jalan

Orang ramai dinasihatkan untuk merancang perjalanan, tiba awal di tapak Sambutan Hari Kebangsaan selain dinasihatkan menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam iaitu bas ulang-alik (*Shuttle Bus*) yang disediakan secara percuma dengan kekerapan masa 15 minit dari (3) Lokasi berbeza. **Perkhidmatan MRT Putrajaya Line** bermula pada **30/8/2025 jam 12.01 pagi** sehingga **31/8/2025 jam 12.00 malam** dan **Perkhidmatan Teksi Air** yang disediakan pada **30/8/2025 jam 8.00 malam sehingga 1.00 pagi (berbayar)** manakala pada **31/8/2025 jam 5.00 pagi sehingga 2.00 petang (secara percuma)**. Orang ramai boleh mendapatkan maklumat dan info terkini berkenaan pengangkutan awam yang disediakan melalui **media sosial rasmi www.merdeka360** dan **Perbadanan Putrajaya**.

Selain itu, orang ramai juga dinasihatkan untuk tidak meletakkan kenderaan di kawasan larangan atau kawasan yang akan mengakibatkan gangguan kepada lalu lintas. Sebarang pertanyaan ataupun maklumat boleh menghubungi **Hotline Polis Kuala Lumpur di talian 03-2115 9999** atau **Bilik Gerakan JSPT KL di talian 03-2071 9999** atau melayari **Facebook Polis KL** di